

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. DR. HAJI IZANI BIN HAJI
HUSIN**

TARIKH : 11.03.2015 (RABU)

NO. SOALAN : 77

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan :

- (a) Jumlah jalan kampung yang telah dibina dan dibaiki di Parlimen Pengkalan Chepa; dan
- (b) Nyatakan nama dan panjang jalan.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2014 Kementerian telah melaksanakan 17 projek membina dan membaiki jalan-jalan kampung di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa dengan peruntukan berjumlah RM775,500.00 dan panjang jalan sejauh 6.286km.

Bagi tahun 2015 pula, setakat 6.3.2015, sejumlah RM2,334,000.00 peruntukan telah disalurkan bagi tujuan membina dan membaiki 11 projek jalan-jalan kampung di Parlimen Pengkalan Chepa. Panjang keseluruhan bagi 11 projek tersebut adalah 21.25 km.